



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA  
PADA 7 MAC 2023**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang seperti dibawah bagi menyertai sebut harga berikut:

<b>NO. SEBUT HARGA</b>	<b>TAJUK SEBUT HARGA</b>	<b>KOD BIDANG PENDAFTARAN</b>	<b>HARGA DOKUMEN</b>	<b>KETETAPAN TAKLIMAT</b>
SH/SUKNS /BIL.2/2023	Perkhidmatan Penyelenggaraan Dan Penggantian Alat Ganti Perkakasan ICT Bagi Tempoh 24 Bulan Di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan  <b>Peringatan: Kehadiran taklimat adalah diwajibkan. Taklimat akan diadakan secara telesidang. Pautan telesidang akan diberikan dalam dokumen sebut harga .</b>	210101 210103	RM50.00 setiap satu borang	<b>Tarikh:</b> 10 Mac 2023  <b>Masa:</b> 3.00 petang  <b>Tempat:</b> Telesidang (Pautan telesidang pada dokumen sebut harga)

Dokumen sebut harga boleh didapati mulai **7 Mac 2023 hingga 10 Mac 2023** pada waktu pejabat (**9.00 pagi – 4.00 petang**) di Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus dengan dikenakan bayaran seperti di atas dalam bentuk tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Syarikat dikehendaki membawa **SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN** dalam kod bidang seperti di nyatakan dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** semasa membeli dokumen sebut harga.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Sebut Harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang ditetapkan di **Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus** sebelum atau pada **pukul 12.00 tengah hari, 17 Mac 2023 (Jumaat)**. Tawaran yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.